

33. Di manakah komisen belum terima dicatat?

- A Penyata Kedudukan Kewangan
- B Akaun Perdagangan
- C Akaun Untung Rugi
- D Akaun Penerimaan dan Pembayaran

SPM 2016

34. Akaun manakah yang mempunyai baki kredit?

- A Akaun Ambilan
- B Akaun Sewa Dibayar
- C Akaun Insurans Prabayar
- D Akaun Kadar Bayaran Belum Bayar

SPM 2017

35. Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diperoleh daripada Emarul Enterprise.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016	
	RM
Aset Semasa:	
Gaji prabayar	750
Kadar bayaran belum bayar	250
Tolak Liabiliti Semasa:	
Sewa belum bayar	350
Faedah diterima belum terperoleh	550

Butir manakah yang telah tersalah catat?

- A Gaji prabayar
- B Faedah diterima belum terperoleh
- C Kadar bayaran belum bayar
- D Sewa belum bayar

SPM 2017

36. Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Mahligai Enterprise.

	1 Januari 2016	31 Disember 2016
	RM	RM
Sewa belum terima	150	350
Sewa diterima belum terperoleh	300	550
Maklumat tambahan:		
Sewa diterima berjumlah RM1 450 dengan cek pada 24 Disember 2016.		

Berapakah sewa diterima bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016?

- A RM1 400
- B RM1 500
- C RM1 800
- D RM1 900

SPM 2017

37. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Rokiah pada 31 Disember 2016.

	RM
Insurans	2000
Insurans prabayar	200

Catatan manakah yang betul?

A	Akaun Insurans			
		RM		RM
	Bank	2 000	Insurans prabayar	200
			Untung rugi	1 800
		<u>2 000</u>		<u>2 000</u>
B	Akaun Insurans			
		RM		RM
	Bank	2 000	Untung rugi	2 200
	Insurans prabayar	200		
		<u>2 200</u>		<u>2 200</u>
C	Akaun Insurans			
		RM		RM
	Insurans prabayar	200	Bank	2 000
	Untung rugi	1 800		
		<u>2 000</u>		<u>2 000</u>
D	Akaun Insurans			
		RM		RM
	Untung rugi	2 200	Bank	2 000
			Insurans prabayar	200
		<u>2 200</u>		<u>2 200</u>

SPM 2017

38. Maklumat berikut dipetik daripada buku perniagaan Malik Auto yang menjalankan perniagaan membaiki kereta.

	<u>1 Ogos 2016</u>	<u>30 September 2017</u>
	RM	RM
Alat-alat kecil	350	210

Maklumat tambahan:

Alat-alat kecil berjumlah RM430 telah dibeli sepanjang jangka masa perniagaan. Berapakah susut nilai alat-alat kecil yang dicatat pada Akaun Untung Rugi?

- A RM130
B RM140
C RM220
D RM570

SPM 2017

39. Urus niaga berikut diambil daripada perniagaan milik Encik Ahmad.

Encik Ahmad telah menyewa kedai dengan sewa bulanan sebanyak RM400. Pada akhir tempoh perakaunan yang berakhir 31 Disember 2018, sewa yang telah dibayar ialah sebanyak RM4 400.

Catatan pelarasan yang manakah yang betul dalam Jurnal Am?

A

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2018 Dis 31	Sewa Sewa belum bayar		RM 400	RM 400

B

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2018 Dis 31	Sewa belum bayar Sewa		RM 400	RM 400

C

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2018 Dis 31	Sewa Sewa belum bayar		RM 4 800	RM 4 800

D

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2018 Dis 31	Sewa belum bayar Sewa		RM 4 800	RM 4 800

SPM 2019

40. Pada 31 Disember 2018, Ali Baba Enterprise telah membuat pelarasan pada tarikh imbalan. Insurans yang telah dibayar sebanyak RM2 400 setahun adalah sehingga 31 Mac 2019.

Catatan selepas pelarasan yang manakah yang betul?

A

Imbalan Duga pada 31 Disember 2018 (petikan)

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Insurans	1 800	
Insurans prabayar	600	

B

Imbalan Duga pada 31 Disember 2018 (petikan)

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Insurans	1 800	
Insurans prabayar		600

C

Imbalan Duga pada 31 Disember 2018 (petikan)

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Insurans	2 400	
Insurans prabayar	600	

D

Imbalan Duga pada 31 Disember 2018 (petikan)

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Insurans	2 400	
Insurans prabayar		600

SPM 2019